

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Datuk Dr. Haji Abd. Latiff
bin Haji Ahmad
[Mersing]**

TARIKH : 11.11.2014 (SELASA)

NO. SOALAN : 15

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan berapa jumlah yang dibelanjakan dari tahun 2000 hingga 2013 dalam usaha Kementerian memberi bantuan di bawah Program Pembangunan Modal Insan (PPMI). Berapa ramai kumpulan sasaran yang dibantu dan sejauh manakah kejayaan dalam usaha membangun minda supaya lebih bermotivasi untuk berusaha meningkatkan ilmu, kemahiran dan pendapatan keluarga.

- (i) PPMI telah berupaya menggalakkan isirumah miskin dan miskin tegar menyertai Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) dan lebih daripada 81% yang menyertai PLKK telah memperoleh pekerjaan dan menjana pendapatan bulanan yang tetap antara RM900 hingga RM1,300; dan

- (ii) PPMI telah berjaya menggerakkan isirumah miskin dan miskin tegar menyertai Program Peningkatan Pendapatan (PPP) dan direkodkan lebih daripada 91% peserta PPP telah berjaya meningkatkan pendapatan dan keluar daripada kelompok miskin tegar.